

Omar Ong Yoke Lin tokoh pejuang kemerdekaan

Satukan Cina, Melayu bawah bumbung parti politik

Belasungkawa


RAMAI yang mengenali Tun-ku Abdul Rahman Putra sebagai seorang tokoh kemerdekaan tetapi tidak ramai yang mengetahui nama lain yang banyak menyumbang terhadap catatan bersejarah itu, terutama dalam pembabitan dan usaha keras menyatukan bangsa Cina dan Melayu di bawah satu bumbung parti politik.

Tun Omar Ong Yoke Lin yang meninggal dunia semalam lantaran sakit tua sebenarnya seorang yang sangat berjasa terhadap rakyat negara ini dalam membawa kemerdekaan, selain turut terbabit secara langsung menubuhkan Malaysia dan menjadi orang utama yang mengilhamkan kerjasama antara MCA dan UMNO pada pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada 1952.

Kerjasama UMNO dan MCA yang ada sekarang, menjadi kenyataan kerana sikap berpandangan jauh dan saling percaya mempercayai antara Omar dan Datuk Yahaya Abdul Razak daripada UMNO. Hubungan Omar dengan Yahaya tidak sekadar rakan baik dalam arena politik tetapi juga sebagai rakan sedarjah yang akrab ketika mereka belajar di Victoria Institution satu ketika dulu.

Lahir pada 23 Julai 1917 di Kuala Lumpur, Omar memainkan peranan besar dalam penubuhan MCA kerana beliau adalah antara pengasas parti itu sebelum sekali lagi menggerakkan usaha bekerjasama dengan UMNO dalam Barisan Nasional (BN).

Tentu sekali jasanya itu tidak harus dipandang kecil kerana tanpanya, sudah pasti hasrat melihat



OMAR ketika membuang undi pada pilihan raya umum yang lalu.

semua bangsa di negara ini bersatu dalam satu parti dan berharmonis bersama amat sukar dilaksanakan. Malah, jasa dan pengorbanan Omar dalam kemerdekaan negara tidak mungkin dapat dinilai dengan kata-kata atau wang ringgit semata-mata.

Pemergian Omar menjadikan beliau sebagai individu terakhir dalam Kabinet negara sebelum dan selepas merdeka pimpinan Almarhum Tunku Abdul meninggalkan kita. Antara rakan seperjuangan beliau yang sudah lama meninggal dunia ialah Tun HS Lee, Tun Leong Yew Koh, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Tun VT Sambanthan dan Tan Sri Sardon Jubir.

Sejarah Omar dalam kepemimpinan negara bermula apabila beliau dilantik menjadi Menteri Telekom dan Pos Tanah Melayu yang pertama sebelum setahun selepas itu dilantik memegang portfolio di Kementerian Pengangkutan sebagai Menteri Pengangkutan dan di-

kekalkan dalam Kabinet pertama Tunku selepas merdeka, kali ini sebagai Menteri Kebajikan Sosial dan Buruh.

Bukan setakat itu, kerana sepanjang hayatnya, beliau pernah memegang jawatan nombor satu dalam beberapa kementerian selepas itu termasuk pernah mangku tugas Menteri Pertahanan, Perdagangan, Industri dan Pertanian.

Tentu ramai masih mengingati sejarah kemerdekaan negara yang menyaksikan bermula dengan usaha Almarhum Tunku ke London untuk berunding dengan British dan ketika itu, Omar adalah antara seorang anggota kerajaan menyertai delegasi parti Perikatan untuk memuktamadkan draf Perlembagaan Tanah Melayu.

Beliau juga pernah mengetuai sebuah delegasi pada 1961 untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Perpaduan di Kuching, Sarawak yang antara



OMAR ketika menyambut hari jadinya yang ke-90 pada 2007.

lain membincangkan cadangan untuk membentuk sebuah Persekutuan Malaysia.

Omar bukan sekadar individu penting dalam MCA tetapi juga sering menjadi orang kepercayaan Almarhum Tunku termasuk pernah dilantik sebagai Duta Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Amerika Syarikat pada 1962.

Pemergiannya ke Amerika Syarikat membawa satu misi utama iaitu untuk memperjuangkan pembentukan Persekutuan Malaysia dan tanggungjawab yang dibebankan di bahunya ketika itu ialah untuk melobi bagi mendapat sokongan pentadbiran Presiden John F Kennedy dan kerajaan negara lain, sedangkan pada masa sama Indonesia di bawah kepemimpinan Presiden Sukarno melancarkan konfrontasi ke atas Malaysia sebagai tanda protes terhadap cadangan itu.

Namun, peranan Omar nyata

berkesan kerana akhirnya lahir Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 dan beliau menjadi antara pemimpin yang menurunkan tandatangan dalam Perjanjian London 1963.


Khidmat Omar terus diperlukan oleh kerajaan apabila beliau dilantik sebagai Menteri Tanpa Portfolio selama lebih satu dekad dari 1962 hingga 1973 dan pada masa yang sama, turut dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang pertama ke Kanada pada 1966 dan Duta Malaysia ke Brazil setahun kemudian.

Jawatan tertinggi yang pernah disandang Omar sepanjang kerjayanya dalam arena politik ialah sebagai Yang Dipertua Dewan Negara. Beliau yang dilantik pada 1973 menyandang jawatan terbabit selama lapan tahun sebelum mengumumkannya persaraannya pada 1981.

Melihat kepada semua pengorbanan dan sumbangan Omar selama ini, nyata beliau bukan calang-calang pemimpin BN yang masih hidup dalam era kepemimpinan Perdana Menteri Keenam ketika ini selepas beliau dilihat pernah menjadi pencetus kepada usaha kemerdekaan sejak zaman kepemimpinan negara yang pertama.

Ternyata, pemergiannya menjadi satu kehilangan besar terhadap dunia politik negara, selain turut menyaksikan seorang anak bangsa yang mencurahkan seluruh tenaga dan daya untuk mencapai misi mengembalikan hak kemerdekaan kepada seluruh rakyat Malaysia kini pergi meninggalkan kita.

Namun, apa yang pasti sumbangannya terhadap dunia politik serta roh kemerdekaan negara ini pasti akan terpahat menjadi rentetan kebanggaan rakyat negara ini dan akan dikenang selamanya dalam lipatan sejarah.



KETIKA menjadi menteri, Omar tidak kekok melakukan kerja berat seperti menyangkul bukit bersama pekerja.



OMAR menerima Darjah Seri Setia Mahkota yang membawa gelaran Tun daripada Yang di-Pertuan Agong pada 6 Jun 1979.